



## KENYATAAN MEDIA

### **LEBIH 456,000 PENERIMA FAEDAH PERKESO MULA TERIMA MANFAAT DARI PELARASAN KOS SARA HIDUP BAGI FAEDAH BERKALA DAN KENAIKAN PENCEN MINIMUM SKIM KEILATAN PERKESO**

1. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah melaksanakan **pelarasan kos sara hidup bagi semua penerima faedah berkala** dan **kenaikan kadar pencen minimum di bawah Skim Keilatan PERKESO**, berkuat kuasa **1 Januari 2023** yang lalu.
2. Pelaksanaan kedua-dua inisiatif di bawah **Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4)** ini dijangka memberi manfaat kepada **lebih 456,000 penerima faedah PERKESO**.
3. Mereka adalah penerima faedah-faedah PERKESO di bawah **Skim Bencana Pekerjaan** dan **Skim Keilatan** di bawah Akta 4 seperti berikut:
  - i. **Faedah Hilang Upaya Kekal**
  - ii. **Faedah Orang Tanggungan**
  - iii. **Pencen Ilat**
  - iv. **Pencen Penakat**
4. Pelarasan yang dilaksanakan kepada faedah berkala dan pencen yang dibayar kepada penerima faedah PERKESO berupaya membantu mereka menangani peningkatan kos barangan dan perkhidmatan di negara ini, terutamanya dalam meneruskan kelangsungan hidup mereka.

5. Inisiatif pelarasan kos sara hidup bagi penerima faedah berkala sedia ada dan kenaikan kadar pencen minimum adalah lanjutan daripada Kajian Penilaian Aktuari ke-11 oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dengan mengambil kira keadaan sosial dan ekonomi semasa di Malaysia, kesan daripada pandemik COVID-19, peningkatan kos sara hidup dan kenaikan kadar inflasi.
6. Kedua-dua langkah tersebut akan melibatkan perbelanjaan sebanyak kira-kira **RM 234 juta**.

## PELARASAN KOS SARA HIDUP

7. Pelarasan Kos Sara Hidup untuk faedah berkala PERKESO kali ini dijangka memberi manfaat kepada **lebih 400,000 penerima faedah** dan membabitkan anggaran perbelanjaan berjumlah **RM213 juta**.
8. Sejak 1977 sehingga kini, pelarasan Kos Sara Hidup bagi bayaran faedah berkala PERKESO telah dibuat sebanyak **12 kali di bawah Skim Bencana Pekerja** dan **10 kali di bawah Skim Keilatan**.
9. Kadar pelarasan Kos Sara Hidup bagi penerima faedah berkala PERKESO yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2023 adalah antara **0.7 peratus hingga 9.4 peratus** mengikut tarikh terakru (tahun pencen diterima) dengan peratus pelarasan seperti berikut :

Tahun Pencen Terakru	Kadar Pelarasan (%)
Pencen terakru sebelum tahun 2015	9.4
Pencen terakru dalam tahun 2015	8.4
Pencen terakru dalam tahun 2016	6.2
Pencen terakru dalam tahun 2017	2.3
Pencen terakru dalam tahun 2018	1.3
Pencen terakru dalam tahun 2019	0.7

## **KENAIKAN KADAR PENCEN MINIMUM**

10. Sementara itu, pelaksanaan kenaikan Kadar Pencen Minimum di bawah Skim Keilatan ditingkatkan daripada kadar sedia ada iaitu sebanyak **RM475** sebulan kepada **RM550** sebulan.
  
11. Peningkatan Kadar Pencen Minimum ini akan memanfaatkan kira-kira **56,000 penerima faedah** dalam membantu mereka menangani peningkatan kos sara hidup. Peningkatan ini akan melibatkan perbelanjaan sebanyak kira-kira **RM21 juta**.
  
12. Adalah menjadi harapan PERKESO agar kedua-dua inisiatif ini akan dapat meringankan beban kewangan, meningkatkan kesejahteraan dan memenuhi keperluan sosio-ekonomi penerima-penerima faedah PERKESO.

**DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN AZIZ MOHAMMED**  
**KETUA EKSEKUTIF, PERKESO**  
**KUALA LUMPUR**  
**27 JANUARI 2023**